

16/09/2003

Bajet 2004 tepati Indeks Kebahagiaan

Azimi Daim

BANYAK khabar yang melegakan orang ramai apabila mendengar Pembentangan Bajet 2004 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Walaupun kenaikan 20 peratus cukai tembakau mencuit hati perokok, kebanyakan mereka menerimanya dengan lapang dada kerana semakin menyedari kesan buruk merokok dan menghidu asap rokok.

Seorang teman menghantar pesanan ringkas supaya membeli sebanyak mungkin rokok sebelum cukai baru diumumkan. Saya menghantar semula "Hargailah kesihatan gigi, jantung dan paru-paru anda, anak anda, isteri dan janin dalam kandungan serta orang sekelilingnya." Jawapannya: "Siapa ni?" (tidak sedar berapa banyak SMS dan kepada siapa dihantarnya). Sebaliknya, golongan tidak merokok akan lebih bahagia dan perokok pula terpaksa berfikir panjang.

Untuk belia, termasuk kegiatan mereka dalam sukan, sebanyak RM657.9 juta disediakan. Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, sudah pun mengumumkan sebanyak RM245 juta daripadanya adalah untuk membina dan menaik taraf Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Jumlah ini tidak termasuk wang yang bakal dibelanjakan untuk program belia.

Namun, pengumuman yang paling menggembirakan belia adalah pengecualian cukai jalan bagi motosikal bawah 150 cc. Jika dicongak berdasarkan tujuh institusi pengajian tinggi (IPT) utama di negara ini, mungkin tidak kurang 100,000 pelajar dan kakitangan IPT yang memiliki motosikal menikmati faedah pengecualian itu.

Jumlah ini tidak termasuk kebanyakan 'mat despatch', pekerja pelbagai sektor dan orang kampung yang memiliki kenderaan ini. Pemansuhan cukai jalan ini membolehkan kira-kira 5.6 juta pemilik motosikal lapang dada.

Kebanyakan pelajar sebenarnya mendapat manfaat daripada peruntukan dalam sistem pendidikan, baik pinjaman pengajian, kemudahan, peningkatan peralatan dan tenaga pengajar.

Selain belia, rakyat Malaysia yang menerima berita gembira adalah peneroka Felda yang bakal mendapat manfaat daripada penyenaian Felda di pasaran saham, golongan kurang upaya, ibu bapa anak kurang upaya, ibu tunggal, golongan yang belum mempunyai rumah, kakitangan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar (seperti menerusi pinjaman) dan peniaga (termasuk yang menikmati Skim Kredit Mikro).

Dengan kesepaduan pelbagai langkah meningkatkan kemudahan awam (seperti jalan raya, sekolah, dewan orang ramai, taman rekreasi dan perbekalan air bersih) dan peningkatan kesedaran mengenai penjagaan alam sekitar, rakyat Malaysia pada keseluruhannya bakal menikmati taraf hidup yang lebih tinggi.

Hal ini menepati indeks baru yang diperkenalkan untuk mengukur status ekonomi sesebuah negara. Indeks Kebahagiaan (Happiness Index - HI) adalah satu ukuran yang banyak berdasarkan keadaan emosi dan kesihatan fizikal rakyat. HI yang mengambil kira pelbagai indeks konvensional seperti Indeks Ekonomi (banyak berasaskan Pengeluaran Kasar Dalam Negara) dan pelbagai faktor lain seperti Indeks Pengguna, Indeks Industri, harga barangan dan Kadar Inflasi, kadar faedah bank, elemen berkaitan tahap kesihatan fizikal dan beberapa nilai budaya.

Dengan izin Allah, dalam jangka panjang, Malaysia akan menikmati HI yang tinggi dan berasaskan kebahagiaan hidup seluruh rakyat, emosi yang sihat itu akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti.

Namun janganlah lupa kepada segelintir rakyat yang selalunya tidak dapat menikmati usaha ini kerana mereka jauh terpinggir daripada sistem ekonomi yang direbut oleh kebanyakan warga negara. Golongan ini mungkin miskin dan terpinggir dalam sektor ekonomi dan masyarakat. Kemiskinan yang membelenggu mereka mungkin terus menyisihkan kedudukan mereka. Namun,

bersama segenap lapisan rakyat dan pemimpin, kita boleh membantu mereka dengan mengenal pasti kelompok terpinggir ini supaya dapat diadukan kepada agensi kerajaan bagi menikmati bantuan dan dibimbing kepada kelapangan. Mereka mungkin petani di desa, pemungut besi buruk atau kotak di bandar dan tidak berupaya (kerana keuzuran atau kecacatan).

Bagaimanapun, semua nikmat kebahagiaan dari Bajet 2004 ini boleh tergugat jika masih ada pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengkhianati kita semua. Pengkhianatan ini boleh berbentuk usaha mengemukakan maklumat palsu kepada media asing (contoh majalah Business Week) supaya nama negara buruk.

Seperti zaman dulu, pengkhianat seperti Raja Mendeliar ini sanggup bersekongkol dengan bangsa penjajah bagi menjatuhkan negara. Mungkin kali ini dengan harapan kerosakan imej pemimpin dan negara boleh menjejaskan ekonomi lalu seterusnya menjadi isu menumbangkan kerajaan.

Sifat pengkhianat ini lebih buruk daripada lalat. Walaupun serangga ini membawa kuman dari najis yang dimakan atau dihinggapnya, pada masa yang sama ia mempunyai penawar dalam tubuhnya.

Tetapi, pengkhianat negara ini adalah penjahat semata-mata, bukan penawar kepada kebahagiaan hidup rakyat Malaysia. Mereka lebih menjijikkan daripada lalat.

Bagi memastikan kita menjadi penawar kepada kebahagiaan rakyat, anak muda mestilah bersama-sama menyumbang kembali kepada kestabilan, keamanan, perpaduan, kemajuan, pembangunan dan kemakmuran Malaysia.